



KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli aset seperti berikut: -

Bil.	Keterangan Aset	Harga Dokumen (1 set)	Harga Simpanan	Deposit Tender
1.	Bangunan Empat (4) Tingkat, Lembaga Koko Malaysia, Nombor Lot PT40992 No. 30B & C, Jalan Batu Unjur 1, Taman Bayu Perdana, 41200 Klang, Selangor	RM 150.00 (Draf Bank / Wang Pos/ Wang Tunai)	RM1,300,000.00	10% dari harga tawaran

2. Sesi lawatan ke bangunan pejabat akan diadakan pada **4 Ogos 2022** diantara jam **11:00 pagi** hingga **2:00 petang** di Lembaga Koko Malaysia, No.30, Jalan Batu Unjur 1, Taman Bayu Perdana, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan En. Mohd Hakim Bin Mohamed Sumeri di talian 06-7999001/ 7999004.
3. Tender akan ditutup pada **18 Ogos 2022** jam 12.00 tengah hari.
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tender Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan (KEW.PA-22) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 5. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 bermula dari tarikh tender ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan No. Tender T/LKM/P/4/2022 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti tender di alamat:

Ketua Pengarah
(PETI TENDER / TAWARAN)
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
Pusat Inovasi & Teknologi Koko
Lot 12621, Kawasan Perindustrian Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-7999001/ 7999004
(<http://www.koko.gov.my>)

6. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

- 6.1. Aset bangunan pejabat akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- 6.2. Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset (bangunan pejabat). Deposit Tender hendaklah dalam bentuk cek / draf bank sahaja atas nama **LEMBAGA KOKO MALAYSIA**.
- 6.3. Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- 6.4. Semua aset (bangunan pejabat) adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- 6.5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
- 6.6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- 6.7. Petender yang Berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
- 6.8. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.